

AL-HIKMAH

Jilid	10	ISSN 1985-6822	2018
No.	1		1439

- NILAI AGAMA ISLAM DALAM KESEDARAN BERAGAMA KALANGAN MASYARAKAT BAJAU DARAT KAMPUNG PENIMBAWAN TUARAN, SABAH3-15
Qurratu Ain Rapihi, Zaizul Ab. Rahman
- PENGARUH VLOG DAKWAH TERHADAP KOGNITIF DAN AFEKTIF REMAJA DI PUTRAJAYA ...16-33
Muhamad Faisal Ashaari, Noor Hafizah Jujaji
- TRAIT PERSONALITI PENDAKWAH MUSLIM: SATU SOROTAN LITERATUR ...34-54
Izzaty Ulya Munirah Abd Aziz, Zainab Ismail
- KONSEP HISBAH DAN KEPENTINGANNYA DALAM PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM ...55-78
Abdul Qahhar Ibrahim, Abdul Ghafar Don, Muhamad Faisal Asha'ari
- HUBUNGAN INSENTIF KEIMANAN DAN AMALAN PENGAJARAN: KAJIAN TERHADAP GURU TAHFIZ SWASTA DI NEGERI PERAK ...79-94
Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Abd Hadi Borham, Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Akramin Kamarul Zaman
- KELANGSUNGAN SYARIAT ISLAM MENERUSI PERUNDANGAN MALAYSIA ...95-118
Mohd Mustaffa Jusoh @ Yusoff, Mohd Musa Sarip, Wan Abdul Fattah Wan Ismai
- DAKWAH MELALUI MEDIA BARU DI MALAYSIA: PELUANG ATAU CABARAN?119-128
Aini Maznina A. Manaf
- MODEL PENGUKURAN APLIKASI MUDAH ALIH PANDUAN SOLAT ANDROID (MAPS) ...129-147
Siti Zuraida Abdul Manaf, Norazah Nordin, Helmi Norman, Ahmad Syukri Mohamad Zaid, Analisa Hamdan
- PERLAKSANAAN KAEDAH PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KAEDAH Fiqh ... 148-162
Mohd Aderi Che Noh, Normurni Mohamad, Adibah Hasanah Abd Halim, Absha Atiah Abu Bakar, Hasnan Kassan
- MENDEPANI MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA MELALUI ILMU PERBANDINGAN AGAMA: TINJAUAN AWAL ...163-175
Aemy Elyani Mat Zain, Norsaadah Din @ Mohamad Nasirudin, Nazneen Ismail, Maryam Habibah Kamis
- CHRISTIAN NEO-ORTHODOXY APPROACH TO RECONSTRUCTION OF RELIGIOUS THOUGHT ON SELECTED THEOLOGICAL ISSUES: AN ISLAMIC ANALYSIS ...176-187
Adibah Abdul Rahim
- ISLAMOPHOBIA IN THE WEST MEASURING AND EXPLAINING INDIVIDUAL ATTITUDES by MARC HELBLING ... 188-189
Badlihisam Mohd Nasir, Abdul Ghafar Don

Al-Hikmah 10(1) 2018: 148-162

Perlaksanaan Kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Kaedah Fiqh

Implementation of Project Based Learning Methods in Teaching and
Learning Fiqh Method Process

MOHD ADERI CHE NOH
NORMURNI MOHAMAD
ADIBAH HASANAH ABD HALIM
ABSHA ATIAH ABU BAKAR
HASNAN KASSAN

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat pelaksanaan kaedah pembelajaran berasaskan projek (PBL) yang dilaksanakan oleh pensyarah dalam proses P&P Sains, Teknologi dan kejuruteraan dalam Islam sebagai usaha meningkatkan kefahaman pelajar dalam tajuk Kaedah Fiqh. Responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar semester dua program Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Banting. Kaedah pemerhatian dan temu bual digunakan bagi tujuan pengutipan data. Data dianalisis secara deskriptif dan dipersembahkan dalam bentuk naratif. Dapatan kajian menunjukkan aktiviti PBL merupakan aktiviti P&P yang disukai dan menyeronokkan bagi para pelajar.

Kata Kunci: *Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL); kaedah fiqh; politeknik;*

ABSTRACT

This study aims to see the implementation of project based learning methods (PBL) implemented by lecturers in the Science, Technology and Engineering P&P processes in Islam as an effort to enhance students' understanding in the Fiqh Method. Respondents in this study were students of second semester, Diploma of Mechanical Engineering program, Department of Mechanical Engineering, Politeknik Banting. Observation and interview methods are used for data collection purposes. The data were analyzed descriptively and presented in narrative form. The findings show that PBL activity is a fun and enjoyable P&P activity for students.

Keywords: *Project Based Learning (PBL); fiqh method; polytechnic;*

PENGENALAN

Kemahiran guru dalam menggunakan pendekatan pengajaran yang tepat membolehkan proses pembelajaran pelajar menjadi lebih berkesan dan menyeronokkan. Mohd Musnizam et. al. (2012) menyatakan bahawa guru seharusnya menguasai ilmu-ilmu yang berkaitan kaedah pengajaran. Hal ini kerana, kemahiran guru menyampaikan pengajaran dengan menarik serta memberikan penjelasan yang mantap akan membantu dalam pembentukan personaliti pelajar yang merupakan matlamat akhir pendidikan. Manakala, kegagalan guru dalam memilih kaedah pengajaran akan menyebabkan maklumat dan ilmu tidak dapat dipindahkan kepada pelajar dengan berkesan (Gamal 2003). Ab. Halim & Nik Mohd Rahimi (2010) pula menyatakan bahawa, kegagalan guru menyampaikan pengajaran dengan menarik merupakan menyebabkan pelajar tidak memahami apa yang dipelajari.

Justeru, pembelajaran berasaskan projek atau *problem based learning* (PBL) merupakan salah satu pendekatan yang berkesan yang boleh digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan PBL semakin popular digunakan sebagai strategi pengajaran dan pembelajaran dalam bidang pendidikan (Kolmos & Graaff 2007; Mohd Ali et al. 2007). PBL merupakan pembelajaran kolaboratif yang mewujudkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dari aspek kognitif, afektif, komunikasi dan kemahiran sosial pelajar. Pembelajaran berasaskan projek ini memerlukan murid menyiapkan projek berasaskan masalah atau soalan yang diberi dan turut mempengaruhi pengetahuan saintifik yang dibina. Chin (2007) menyatakan bahawa jenis soalan dan cara sesuatu soalan itu ditanyakan oleh guru berpotensi untuk mempengaruhi proses kognitif murid semasa mereka membina pengetahuan saintifik. Kaedah ini dapat memastikan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan berlaku. Pengajaran yang berkesan dapat melahirkan pelajar yang berilmu pengetahuan dan memberi kesan kepada jiwa dan perasaan pelajar tersebut.

PENYATAAN MASALAH

Kaedah Fiqh atau Qawa'id Fiqhiyah merupakan antara tajuk yang wajib diambil oleh pelajar muslim semester dua di Politeknik Banting dalam kursus DUA 2012 Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam. Kebanyakan pelajar politeknik bukan daripada aliran agama dan kurang pengetahuan asas berkaitan dengan kaedah fiqh. Hal ini menyebabkan mereka sukar menguasai tajuk tersebut apatah lagi untuk mengaplikasikannya dalam kehidupan. Berdasarkan pengalaman pengkaji, pelajar aliran TVET mempunyai masalah dalam membuat perkaitan kaedah

fiqh dalam sesuatu penghasilan sains, teknologi dan kejuruteraan. Kurangnya pengetahuan asas pelajar berkaitan kaedah fiqh menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai topik tersebut dengan baik.

Kaedah pengajaran guru dalam tajuk kaedah fiqh merupakan satu isu yang perlu diambil perhatian. Masih terdapat sebilangan guru Pendidikan Islam yang menggunakan kaedah tradisonal iaitu secara “*talk and chalk*”, syarahan dan kuliah dalam proses pengajaran pembelajaran meskipun mereka telah mendapat pelbagai latihan yang mencukupi dari semasa ke semasa bagi tentang kaedah dan pendekatan yang terkini yang boleh diterapkan dalam bilik darjah (Yusup 2001).

Kajian lepas telah banyak dilakukan berkaitan dengan perlaksanaan kaedah pembelajaran berasaskan projek dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti kajian Mispuah et al. (t.th) yang melihat PBL Pertandingan untuk memupuk minat pelajar terhadap sains dan kajian Nurdadilla Farhanna & Supli Affendi (t.th) yang mendapati penggunaan PBL telah menarik minat dan memotivasikan pelajar yang kurang menumpukan perhatian terhadap proses pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di dalam bilik darjah. Namun, perlaksanaan PBL dalam pendidikan Islam masih kurang dilaksanakan. Justeru itu, kajian ini dibuat untuk melihat perlaksanaan kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek (*Project Based Learning*) bagi dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi tajuk kaedah Fiqh dalam kursus DUA 2012 Sains Teknologi dan Kejuruteraan di Politeknik Banting Selangor.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif kajian yang berikut:

1. Melihat aktiviti pembelajaran berasaskan projek dilaksanakan dalam P&P kaedah fiqh
2. Meneroka penerimaan pelajar terhadap aktiviti PBL yang dilaksanakan oleh pensyarah
3. Menyatakan faedah yang diperoleh oleh pelajar daripada aktiviti PBL yang dilaksanakan dalam P&P kaedah fiqh

PERSOALAN KAJIAN

Tiga persoalan kajian telah dibina berdasarkan objektif kajian dijalankan, iaitu:

1. Bagaimanakah aktiviti pembelajaran berasaskan projek dilaksanakan dalam P&P kaedah fiqh?
2. Bagaimanakah penerimaan pelajar terhadap aktiviti PBL yang dilaksanakan oleh pensyarah?

3. Apakah faedah yang diperoleh oleh pelajar daripada aktiviti PBL yang dilaksanakan dalam P&P kaedah fiqh?

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Pembelajaran Berasaskan Projek (Project Based Learning atau PBL)

Kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2006 selaras dengan ledakan pengetahuan berasaskan komputer dan teknologi pada abad ke-21. Program pengenalan PBL ini adalah bertujuan untuk menggalakkan inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) (Bahagian Teknologi Pendidikan, 2006).

Pembelajaran berasaskan projek ini mempunyai takrifan yang berbeza mengikut perspektif pengkaji yang berminat dengan kaedah ini. Ini masih menjadi perdebatan hingga saat ini kerana definisi yang berbeza datang dari pelbagai bidang kajian yang berbeza pula. Pembelajaran Berasaskan Projek merupakan model pendidikan yang memberikan keutamaan pada projek dalam pengajaran dan pembelajaran (Veerasamy, 2010). Nation (2008) menyatakan bahawa pembelajaran berasaskan projek ini merupakan satu kaedah instruksional yang menggalakkan murid membina kemahiran dan mendapatkan ilmu melalui projek, pembelajaran koperatif dan teknik “*hands on*”.

Pembelajaran Berasaskan Projek ini dipersetujui kerana ianya berasaskan soalan yang bermakna, menggalakkan murid berfikir secara mendalam dan menambahkan rasa ingin tahu dalam kalangan murid (Blumenfeld et. al, 1991). Tal et. al. (2006) pula menegaskan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan projek membolehkan murid meluaskan pengalaman pembelajaran mereka di luar bilik darjah yang berkaitan dengan komuniti dan keluarga. Ini menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan Pembelajaran Berasaskan Projek ini haruslah berkaitan dengan apa yang berlaku dalam kehidupan harian murid yang bertujuan untuk memudahkan mereka mengaitkannya dengan projek yang dibuat melalui pendekatan ini.

Selain menggunakan soalan yang bermakna, Pembelajaran Berasaskan Projek ini selalunya dicirikan dengan penghasilan satu produk atau artifak pada akhir pembelajaran (Blumenfeld et. al, 1991). Namun demikian, Yalcin et. al. (2009) pula menyatakan bahawa artifak bukan satu-satunya hasil yang semestinya diperoleh melalui Pembelajaran Berasaskan Projek. Murid juga boleh menunjukkan apa yang telah mereka pelajari dalam bentuk persembahan. Penghasilan artifak di dalam Pembelajaran

Berasaskan Projek ini akan membantu mengukuhkan lagi kefahaman murid tentang sesuatu topik. Walau bagaimanapun, dapatan kajian Grant (2009) menyatakan bahawa penghasilan artifak ini tidak semestinya menggambarkan keseluruhan hasil pembelajaran yang diingini dalam diri murid.

Walaupun pembelajaran berasaskan projek ini banyak diamalkan di banyak sekolah di seluruh dunia, namun masih terdapat banyak persamaan daripada segi ciri-ciri penggunaan kaedah ini. Maka, dengan mengambil kira pendapat majoriti pengkaji yang terdahulu, dapatlah dirumuskan bahawa Pembelajaran Berasaskan Projek ini ditakrifkan sebagai suatu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mempunyai soalan yang bermakna dan dekat dengan dunia sebenar murid, menghasilkan produk atau artifak yang dihasilkan oleh murid di akhir projek dan boleh dilakukan secara berkumpulan ataupun individu.

Kefahaman Pelajar Terhadap Kaedah Fiqh

Islam adalah agama yang syumul dan bersesuaian dengan fitrah kehidupan manusia. Ilmu berkaitan qawa'id fiqhiyah atau kaedah fiqh adalah satu disiplin ilmu yang membincangkan masalah hukum yang berkaitan dengan adat kebiasaan manusia. Ilmu usul fiqh dan kaedah fiqh merupakan asas kepada keseluruhan bentuk pendidikan yang bertujuan untuk membina dan memajukan masyarakat secara benar dan mengikut kehendak syariat. Dengan kata lain, ia juga bertindak mendidik masyarakat Islam dengan berhati-hati dan sentiasa melakukan tindakan.

Justeru itu, adalah penting untuk umat Islam mengetahui tentang kaedah fiqh walaupun hanya secara umum. Maka wajar bagi penuntut ilmu menguasai sekurang-kurangnya asas penting dan beberapa kaedah utama daripada kaedah-kaedah fiqh tersebut. Melalui pemerhatian didapati masih ramai pelajar Muslim yang kurang memahami mengenai maksud yang diajarkan dalam kaedah fiqh. Pelajar juga didapati masih keliru terhadap konsep-konsep yang dikemukakan dalam kaedah fiqh ini. Sebagai contohnya, konsep menutup aurat. Ramai dalam kalangan pelajar Islam yang mengabaikan prinsip-prinsip menutup aurat menurut syariat dan mengatakan perkara tersebut sesuatu yang meremehkan. Menurut Shofian dan Lotfiah (2004) terdapat anak-anak beranggapan kaedah fiqh ini tidak penting dalam aktiviti kehidupan seharian. Mereka mengetahui tentang prinsip-prinsip yang telah diajar namun banyak dari mereka tidak mahu mengamalkannya dan terdapat juga dari mereka yang tidak mengetahui sama sekali tentang prinsip-prinsip yang telah diajarkan dalam kaedah Fiqh ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan penyelidikan asas untuk melihat pelaksanaan kaedah projek *islamic product* dalam proses pengajaran dan pembelajaran sains, teknologi dan kejuruteraan Islam sebagai usaha meningkatkan kefahaman pelajar terhadap kaedah *fiqh*. Pengkaji menggunakan rekabentuk kualitatif yang melibatkan kaedah pemerhatian dan penerokaan serta temubual separa berstruktur. Hancock (1998) menyatakan terdapat dua kebaikan dalam kaedah pemerhatian iaitu (i) membolehkan penyelidik melihat situasi secara menyeluruh dan dalam konteks penyelidikan, dan (ii) pemerhatian adalah terbuka kepada penggunaan peralatan rakaman visual dan audio. Pendekatan kualitatif didasari oleh andaian bahawa makna atau realiti sesuatu fenomena merupakan dibina secara sosial oleh para pelaku yang terlibat dalam fenomena yang dikaji. Setiap makna atau pengetahuan yang diperoleh dalam kajian-kajian kualitatif merupakan bersifat holistik, pelbagai dimensi dan dinamik (Merriam 2009).

Pengkaji sendiri merupakan instrumen utama dalam kajian ini. Pemerhatian dibuat ke atas 54 pelajar muslim semester dua Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Banting (PBS) yang mengambil kursus DUA 2012 Sains, Teknologi dan Kejuruteraan Dalam Islam. Pelajar adalah terdiri daripada kelas DKM 2A dan DKM 2B bagi sesi Disember 2016. Pelajar yang dipilih telah mengikuti pembelajaran berasaskan projek semasa proses pengajaran dan pembelajaran tajuk kaedah *fiqh* dalam kursus tersebut. Seramai 6 orang pelajar telah ditemubual bagi membantu pengkaji memperoleh data. Alat perakam audio dan senarai semak pemerhatian digunakan untuk semakan semula apa yang diperhatikan untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan hasil pemerhatian.

Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis secara deskriptif dan ditranskripsikan. seterusnya pengkaji membuat ringkasan dan penganalisan data. Penganalisan data dalam kajian ini dilakukan secara deskriptif manakala pemaparan data dilakukan dalam bentuk deskriptif naratif, iaitu memperihalkan semula perkara yang diperkatakan oleh peserta kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan 1: Pelaksanaan aktiviti pembelajaran berasaskan projek dilaksanakan dalam P&P kaedah *fiqh*

Dapatan ini menghuraikan pelaksanaan aktiviti PBL yang dilaksanakan dalam P&P kaedah *Fiqh*. Projek yang diberikan kepada pelajar adalah penghasilan poster *islamic product* yang menerangkan tentang proses penghasilan sesuatu produk serta perkaitannya dengan prinsip, syariah,

peranan syariah dan kaedah fiqh. Berdasarkan pemerhatian, pengkaji mendapati bahawa, pensyarah telah memulakan PBL dengan proses pembentukan kumpulan. Seterusnya pensyarah menjalankan aktiviti dengan melaksanakan lima langkah seperti yang diperkenalkan oleh Merill (1991) iaitu penentuan tajuk, perancangan pelaksanaan projek, pembinaan jadual dan penentuan prosedur projek, bimbingan, dan penilaian, dan refleksi.

1. Pembentukan kumpulan

Pada peringkat kumpulan, pensyarah telah membahagikan pelajar kepada sembilan kumpulan yang terdiri daripada tiga orang ahli setiap kumpulan. Walau bagaimanapun, pensyarah memberikan autonomi kepada pelajar untuk memilih sendiri ahli kumpulan masing-masing. Hal ini bertujuan memberikan peluang kepada pelajar memilih ahli yang boleh bekerjasama dalam melaksanakan tugas mereka. Pemilihan ahli kumpulan secara autonomi ini turut dipersetujui dan disukai oleh para pelajar kerana dapat memudahkan mereka melaksanakan tugas yang diberikan. Petikan temu bual berikut merupakan maklum balas yang diberikan oleh pelajar:

“Kami diberikan kebebasan oleh pensyarah untuk mencari ahli kumpulan sendiri, tetapi terhad kepada 3 orang ahli bagi setiap kumpulan seperti yang ditetapkan oleh pensyarah”. [P1//TB1]

“Saya lebih suka memilih ahli kumpulan sendiri”. [P2/TB4]

“Bagi saya, saya lebih suka pensyarah bagi autonomi untuk pilih rakan dalam kumpulan... sebab kita boleh pilih kawan yang kita boleh berbincang bersama”. [P3/TB7]

“Saya lebih suka memilih sendiri ahli kumpulan kerana kita lebih kenal mana kawan yang ok buat tugas atau tidak”. [P4/TB10]

“Pemilihan ahli kumpulan tu, pensyarah benarkan kami mencari ahli kumpulan sendiri, kerana mungkin untuk memudahkan kami berkomunikasi antara satu sama lain sebab kami dah kenal, jadi lebih mudah untuk kami membuat tugas kumpulan.” [P5/TB13]

“...kami diberi autonomi untuk tentukan sendiri ahli kumpulan, pensyarah jadi pembimbing dan memantau kami.” [P6/TB16]

2. Penentuan tajuk

Pada peringkat yang kedua, pensyarah menerangkan tugas kepada setiap pelajar. Dalam aktiviti PBL, setiap kumpulan ditugaskan menghasilkan

poster *Islamic product* yang megandung keterangan bergambar tentang proses penghasilan produk serta kaedah fiqh yang diguna pakai dalam penggunaan produk tersebut. Pensyarah memberikan arahan dengan jelas mengenai perkara yang perlu dilakukan oleh pelajar. Para pelajar dibenarkan menggunakan internet untuk mendapatkan maklumat dalam menyelesaikan tugas yang diberi. Catatan pemerhatian berikut merupakan contoh arahan tugas yang diberikan oleh pensyarah:

Contoh: Data Pemerhatian:

Pensyarah: *“Kamu perlu menghasilkan satu poster yang menerangkan proses penghasilan sesuatu produk serta kaedah fiqh yang digunapakai dalam proses tersebut... contohnya proses menghasilkan tudung. Poster tersebut perlu disertakan dengan penerangan bertulis tentang kaedah fiqh yang digunapakai semasa proses menghasilkan tudung tersebut. Setiap kumpulan diberi masa selama empat minggu untuk menghasilkan poster. Minggu kelima setiap kumpulan perlu membentangkan tugas yang diberi.*

Catatan Pemerhatian: Setelah selesai menyampaikan kuliah, PK memberikan tugas kepada pelajar. Tugas yang diberikan merupakan tugas yang berbentuk PBL. PK memberikan arahan tugas kepada pelajar dan pelajar diberi tempoh 4 minggu untuk mencari maklumat dan menyempurnakan tugas tersebut. Pembentangan tugas akan dilaksanakan pada minggu ke-11 dan dipertandingkan. [Pemerhatian32/M6]

3. Perancangan pelaksanaan projek

Seterusnya, setelah pensyarah memberikan tugas kepada pelajar, pelajar diberikan tempoh masa selama empat minggu untuk menyelesaikan tugas yang diberikan. Pelajar perlu menjana idea dan merancang pelan tindakan masing-masing untuk mencari maklumat dengan membuat rujukan daripada sumber seperti buku, jurnal atau internet

4. Pembinaan jadual dan penentuan prosedur projek

Pada peringkat ini, pensyarah menerangkan prosedur projek kepada pelajar dengan jelas. Jadual dibangunkan oleh pelajar yang mengandungi perancangan mereka untuk menyiapkan tugas dalam masa yang ditetapkan. Jadual tersebut diserahkan kepada pensyarah untuk membolehkan pensyarah memantau perkembangan projek pelajar.

5. Bimbingan

Pada peringkat ini, guru bertindak sebagai fasilitator untuk membantu pelajar menyiapkan tugas. Berdasarkan pemerhatian, didapati pelajar secara berkumpulan mendapatkan bimbingan pensyarah dan bertanyakan

soalan-soalan yang mengganggu penghasilan poster kepada pensyarah. Pensyarah juga dilihat berusaha menerangkan setiap permasalahan yang dihadapi oleh pelajar. Pensyarah sentiasa membimbing dan memberi petunjuk kepada pelajar ketika sesi perbincangan dijalankan.

6. Penilaian dan refleksi

Pelajar membuat penerangan projek secara berkumpulan dalam acara pertandingan poster pada MK11. Penerangan pelajar diberi markah oleh pensyarah berdasarkan rubrik pemarkahan. Setiap kumpulan menerangkan poster masing-masing dalam masa 10 hingga 15 minit. Pelajar juga perlu menerangkan kaedah fiqh yang digunapakai dalam proses penghasilan produk yang dipilih. Pada MK12, pensyarah mengingatkan pelajar untuk menghantar laporan yang menerangkan langkah yang diambil dalam penghasilan produk, kaedah fiqh serta refleksi diri sepanjang projek dilaksanakan. Tarikh penghantaran laporan adalah pada minggu ke 12.

Dapatan 2: Penerimaan Pelajar terhadap aktiviti pembelajaran berasaskan projek dalam P&P kaedah Fiqh

Dapatan kedua menjelaskan tentang penerimaan pelajar terhadap aktiviti PBL yang dilaksanakan dalam P&P kaedah Fiqh. Berdasarkan soalan temubual yang dijalankan kepada pelajar tentang pandangan mereka terhadap aktiviti PBL dalam P&P kaedah Fiqh, pelajar menyatakan bahawa aktiviti yang dijalankan ini sangat membantu untuk memberi kefahaman yang mendalam tentang topik yang diberi, aktiviti yang menarik, menyeronokkan walaupun agak mencabar. Berikut merupakan petikan kenyataan daripada pelajar hasil temubual yang dijalankan:

“Pada pandangan saya, aktiviti PBL ini sangat menarik tapi agak mencabar sebab dalam aktiviti ini kita terpaksa cuba selesaikan sendiri tugas yang diberi dengan ahli kumpulan”. [P1/TB2]

“Bagi saya, pembelajaran dengan kaedah PBL ni sangat baik sebab saya lebih faham bila saya kena kaji sendiri tajuk tu dari a sampai z, dari saya tak tahu langsung sampai saya dah yakin nak terangkan kat kawan-kawan” [P2/TB5]

“PBL ni antara aktiviti yang menarik dan sangat berkesan untuk pastikan semua faham...” [P3/TB7]


“Pada saya, PBL ni ajar kita untuk bekerjasama dalam kumpulan untuk kumpul bahan dan cari penyelesaian tajuk tugas yang pensyarah bagi sebab tajuk ni tajuk yang baru bagi kami...” [P4/TB11]

“Saya rasa aktiviti PBL dalam tajuk ni menyeronokkan sebab dia memaksa kami satu kumpulan fikirkan kaitan tajuk tugas dengan kaedah Fiqh yang kami tak tau pun sebelum ni... Kami belajar untuk mencari maklumat dari buku dan internet untuk menyiapkan tugas”. [P5/TB14]

“PBL ni aktiviti yang baik dan menarik sebab ia melatih kami berfikir secara kreatif dan kritis. Kami perlu kreatif untuk merekabentuk poster bersama-sama, dan dalam masa yang sama kami perlu berfikir kritis dalam melihat kaedah fiqh pada setiap isu yang ada... selama ini saya tahu guna barang je... tak tahu pun rupanya sebalik setiap perkara yang dilakukan seharian ada peranan syariah, prinsip syariah dan kaedah fiqh yang tertentu...” [P6/TB17]

Melalui kajian ini, pensyarah mendapati bahawa aktiviti di luar kelas sebenarnya lebih menarik minat pelajar. Ini dibuktikan melalui pelaksanaan aktiviti “Pertandingan Pembentangan Poster” (seperti Gambar 1) di mana mereka kelihatan bersemangat untuk menerangkan hasil dapatan yang diperolehi dari kajian yang dijalankan dalam kumpulan. Tambahan lagi, pertandingan yang diadakan juga menyediakan hadiah menarik kepada kumpulan yang telah menjalankan kajian dengan baik dan berjaya menambat hati juri dalam pembentangan mereka. Aktiviti ini juga memberikan pengalaman yang dapat mengekalkan ingatan mereka berbanding dengan hanya mendengar syarahan pensyarah.





Gambar 1: Pembentangan poster yang dipertandingkan

Faedah yang diperolehi oleh pelajar daripada aktiviti PBL yang dilaksanakan dalam P&P kaedah fiqh

Dapatan yang diperolehi dari persoalan kajian yang ketiga menghuraikan tentang faedah yang diperolehi oleh pelajar daripada aktiviti PBL yang telah dilaksanakan. Kebanyakan pelajar menyatakan aktiviti PBL telah memberikan kesan positif kepada mereka. Aktiviti ini telah meningkatkan pelbagai kemahiran insaniah pelajar seperti kemampuan berhujah, kemahiran komunikasi dan kemahiran kepimpinan dalam kumpulan. Disamping itu, PBL juga dapat menggalakkan pelajar menguasai kemahiran kreatif dan kritis dan juga kemahiran menyelesaikan masalah. Petikan berikut merupakan antara respons pelajar dalam temubual yang dijalankan.

“PBL ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kefahaman dan motivasi pelajar yang kurang bagi tumpuan dalam P&P di kelas”. [P1/TB3]

“Aktiviti ini juga boleh menjadikan ahli kumpulan lebih bertanggungjawab sebab masing-masing ada ‘task’ sendiri untuk selesaikan”. [P1/TB6]

“Sangat berfaedah sebab saya rasa lebih yakin nak bentangkan hasil dapatan sebab maklumat yang saya dapat adalah hasil kajian sendiri jadi saya rasa lagi faham”. [P1/TB9]

“PBL ni bagus bila ada ahli kumpulan yang pasif. Jadi PBL ni boleh bantu pelajar yang bermasalah tu untuk berkomunikasi sekurang-kurangnya sesama ahli kumpulan”. [P1/TB12]

“Melalui aktiviti ni pelajar belajar cara nak aplikasikan pengetahuan yang ada dengan masalah yang wujud. Jadi pelajar boleh kuasai kemahiran menyelesaikan masalah”. [P1/TB15]

“Selain membantu saya memahami topik dengan lebih baik, PBL ini melatih saya berani untuk berkomunikasi dengan orang lain. PBL juga membolehkan kami berkerjasama menyelesaikan isu-isu yang timbul dalam menyiapkan tugas bersama-sama... teamwork sangat penting...”
[P6/TB18]

PERBINCANGAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan, kami mendapati bahawa PBL merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan mampu menarik minat pelajar serta membolehkan pelajar belajar secara aktif. Dapatan kajian selari dengan Nurdadilla Farhanna & Supli Affendi (t.th) yang mendapati bahawa PBL memberikan impak yang besar terhadap kefahaman pelajar dan membantu menarik minat pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

PBL memerlukan perancangan yang rapi daripada guru. Guru bertindak sebagai pemudah cara dan membimbing pelajar sepanjang tempoh projek dilaksanakan. Rogers (1994) merasakan bahawa semua manusia mempunyai kecenderungan untuk belajar, oleh itu peranan seorang guru adalah untuk menyediakan kemudahan kepada seseorang itu untuk belajar. Antaranya ialah dengan menyediakan persekitaran yang positif untuk pembelajaran, memperjelaskan objektif pembelajaran kepada pelajar, menyusun dan membolehkan sumber pembelajaran diperolehi oleh pelajar, memperseimbangkan di antara komponen intelek dan emosi dalam pembelajaran dan akhir sekali berkongsi perasaan dan pemikiran dengan pelajar tanpa mendominasi mereka.

Selain daripada itu, kajian kami mendapati bahawa PBL membantu meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar, malah pelajar dapat belajar secara aktif. Mayers dan Jones (1993) dan Carroll dan Leander (2001) menyatakan bahawa motivasi pelajar boleh ditingkatkan melalui penggunaan strategi-strategi pembelajaran aktif seperti menggunakan strategi pembelajaran projek koperatif pelajar. Pembelajaran aktif membolehkan pelajar mempunyai kuasa autonomi dalam pembelajaran, mampu membuat keputusan tentang hasil pembelajaran mereka, menghargai tugas yang diberikan kepadanya, menguji sendiri idea mereka, melaporkan hasil keputusan kepada kelas, menilai sendiri hasil yang diperolehi, menyelesaikan sendiri masalah, berbincang dan berinteraksi dengan tujuan dalam kumpulan dan membuat refleksi tentang apa yang telah dipelajari dan membentuk semula idea mereka (Ab Halim & Siti Muhibah 2015).

Justeru itu, PBL dapat menjadikan pelajar lebih bertanggungjawab ke atas pembelajaran sendiri. Perkara ini juga dinyatakan oleh Djohan, Eity

Norhyezah & Mohamad Ali Hanifiah (2011) yang menyatakan bahawa PBL menolong pelajar dalam pembelajaran dan menguasai kemahiran menyelesaikan masalah, berkomunikasi dan pengurusan sendiri. Jangka masa terhad yang diberikan oleh guru akan 'memaksa' pelajar menguruskan masa dan tenaga sebaik mungkin demi menyelesaikan tugas yang diberikan.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan aktiviti PBL dalam P&P kaedah Fiqh berjaya membawa perubahan positif terhadap kefahaman pelajar dalam tajuk ini. Pelajar dilihat lebih berpuas hati dan gembira dengan hasil yang diperolehi daripada P&P menggunakan aktiviti PBL ini. Selain daripada meningkatkan kefahaman pelajar, PBL dapat membangunkan kemahiran insaniah pelajar yang lain seperti berkerjasama, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berkumpulan, kemahiran kepimpinan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, dan etika dan moral. Peningkatan kefahaman, minat dan kemahiran insaniah pelajar yang diperolehi melalui kaedah PBL dalam topik ini diharap akan dapat melahirkan individu yang dapat memberi sumbangan untuk mengaplikasikan kaedah Fiqh ini dalam penghasilan ciptaan-ciptaan baru yang menepati syariat pada masa akan datang. Oleh yang demikian, para pendidik disarankan supaya mempelbagaikan kaedah pengajaran sepanjang proses P&P berlangsung kerana setiap aktiviti mempunyai kelebihan masing-masing yang dapat menarik minat pelajar yang mempunyai kepelbagaian penerimaan dalam proses pembelajaran. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan pasti dapat membantu membentuk individu yang holistik serta lebih penting dapat melahirkan hamba dan khalifah Allah yang beriman dan beramal soleh.

RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri & Siti Muhibah Nor. 2015. Prinsip Pembelajaran Aktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan Bil 3 (2):28-42*
- Blumenfeld, P. C., Soloway, E., Marx, R. W., Krajcik, J. S., Guzdial, M. & Palincsar, A. 1991. Motivating Project-Based Learning: Sustaining the Doing, Supporting the Learning. *Educational Psychologist*, 26(3&4), 369-398.
- Carroll, L & Leander, S. 2001. Improving student motivation through the use of active learning strategies. Thesis Masters of Arts Action

- Research Project. Saint Xavier University and SkyLight Field-Based Masters Program. U.S
- Chin, C. 2007. Teacher Questioning in Science Classroom: Approaches that Stimulate Productive Thinking. *Journal of Research in Science Teaching*, 44(6), 815-843.
- Djohan Abdul Rahman, Eity Norhyezah Asyurah & Mohamad Ali Hanifiah Abdullah. 2011. Pembelajaran Berasaskan Projek Mandiri Menerobos Melampaui Jidar Tembok Tradisi: Pengalaman Tiga Peringkat. *Seminar Bahasa Melayu*: 233-251
- Grant, M. 2009. Understanding Projects in Project-Based Learning: A Student's Perspective. *Pembentangan Kertas Kerja di Annual Meetings of the American Educational Research Association*. San Diego, CA. April, 2009
- Hancock, B. 1998. *Trent Focus for Research and Development in Primary Health Care: An Introduction to Qualitative Research*. Trent Focus.
- Kolmos, A. & Graaff, E.De. 2007. Process of changing to PBL. Dlm. Graaff, E.De & Kolmos, A. *Management of change: Implementation of Problem Based Learning and Project Based Learning in Engineering*, hlm. 31-44. Rotterdam: SENSE Publisher.
- Mayers, C. & Jones, T.B. 1993. *Promoting Active Learning: Strategies for the College Classroom*. U.S: Jossey-Bass Inc.
- Merill, J. 1991. *Approaches to Teaching Science Subjects: Project Based Learning*. United States: Pearson Education
- Mispuah Hassan, Lilia Halim, Norbaizura Haris, Fariyah Mohd Jamel & Nor Mazliana Abdul Hashim. t.th. Pembelajaran Berasaskan Projek pertandingan untuk Memupuk Minat Pelajar Terhadap Sains. dalam https://www.academia.edu/8720254/Pembelajaran_Berasaskan_Projek_Pertandingan_untuk_Memupuk_Minat_Pelajar_Terhadap_Sains. [9 Jun 2017]
- Mohd Ali Samsudin, Kamisah Osman & Lilia Halim. 2007. Can Problem based learning create a science culture in the classroom? *Proceedings of the International Conference on Science & Mathematics Education (COSMED2007)*.
- Nation, M. L. 2008. Project Based Learning for Sustainable Development. *Journal of Geography*, 107(3) , 102-111.
- Nurdadilla Farhanna Jamaludin & Supli Affendi Rahim. t.th. Kajian Kesan Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Pembelajaran Dan Pengajaran Kemahiran Hidup Di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kertas projek, Jabatan Pendidikan Teknik/Vokasional Fakulti Teknikal Dan Vokasional, UPSI Tanjung Malim, Perak, Malaysia.
- Shofian Ahmad & Lotfiah Zainal Abidin. 2004. *Aurat: Kod Pakaian Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd

- Tal, T., Krajcik, S. & Blumenfeld, P. C. 2006. Urban Schools' Teachers Enacting Project-Based Science. *Journal of Research in Science Teaching*, 43(7), 722-745.
- Veerasamy Naidoo. 2010. Project Based Learning (PBL): An Innovative Vehicle for the Assessment of Student Learning in the Science Classroom. (Tesis PhD. Tidak Diterbitkan). Curtin University of Technology, Australia.
- Yalcin, S. A., Turgut, U. & Buyukkasai, E. 2009. The Effect of Project Based Learning on Science Undergraduates' Learning of Electricity, Attitude towards Physics and Scientific Process Skills. *International Online Journal of Education Sciences*, 1(1), 81-105.

Mohd Aderi Che Noh
aderi@ukm.edu.my

Normurni Mohamad
normurnimohamad@gmail.com

Adibah Hasanah Abd Halim
adibahhasanah.halim@gmail.com

Absha Atiah Abu Bakar
abshaatiah@gmail.com

Fakulti Pendidikan
Unviversiti Kebangsaan Malaysia

Hasnan Kassan